JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 33/2020

## RUJUKAN : 24 APRIL 2020


@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kes aktif dengan kebolehjangkitan merupakan indikator utama bagi menentukan status terkini keadaan jangkitan COVID-19 dalam negara. Pengurangan nisbah kepada 33.9 peratus terhadap keseluruhan kes positif memperlihatkan keberhasilan kaedah dan prosedur rawatan yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya meminimumkan risiko kehilangan nyawa. Sehingga kini, nisbah kematian di Malaysia adalah 1.69 peratus, lebih rendah dari catatan di peringkat global iaitu sekitar 7 peratus dan beberapa negara anggota ASEAN seperti Indonesia, Filipina dan Thailand.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 24 April 2020 **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 3,663** iaitu 64.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,932 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **88 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,691 kes. Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.3 peratus**, Zon Selatan (22.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.7 peratus) dan Zon Utara (8.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 49 kes,** meningkat 20 kes berbanding hari sebelumnya disusuli Selangor (18 kes) dan Sarawak (9 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi enam buah negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama, Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Perlis dan W.P Labuan mengekalkan tiada catatan baharu sejak 18 April 2020. Selain itu, sejumlah **96 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini dengan pertambahan **1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik **pecahan kes kumulatif jangkitan mengikut daerah** menunjukkan sebanyak **30 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah (41 kes ke atas)**. Namun begitu, sehingga 23 April 2020, hanya **13 daerah** yang masih mempunyai status **kes aktif** dalam kategori tersebut. Ini menggambarkan **sebanyak 17 daerah** telah berupaya menurunkan bil kes aktif dipengaruhi terutamanya oleh **perkembangan bilangan kes sembuh yang meningkat.** Sementara itu, **sejumlah 65 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** dengan **26 daripadanya masih mengekalkan rekod tanpa jangkitan positif COVID-19** sejak wabak mula menular.

Di seluruh dunia, **jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19** meningkat kepada **2,717,005 kes** dengan melibatkan **190,986 kes kematian. Amerika Syarikat**

**mendominasi** bilangan kes positif **dengan menyumbang 32.0 peratus,** disusuli Sepanyol iaitu 7.8 peratus dan Itali sebanyak 7.0 peratus. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura mendahului** dengan catatan 11,178 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (7,775 kes), Filipina (7,192 kes) termasuk Malaysia (5,691 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 49,963 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan 25,549 kes, Sepanyol (22,157 kes) dan Perancis (21,889 kes). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 15.16 peratus, Algeria (13.54 peratus), Perancis (13.73 peratus) dan United Kingdom (13.49 peratus). Kadar kematian peringkat dunia terus meningkat kepada 7.03 peratus manakala kes sembuh merekodkan 744,701 kes (27.41 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research Daily memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **GLOBAL: Penghantaran kontena global dijangka merosot 30 peratus dalam beberapa bulan akan datang.** Ini kerana peruncit menolak penerimaan penghantaran sehingga menyebabkan gudang-gudang sesak dipenuhi dengan barangan pesanan seperti peti sejuk dan mesin basuh. Ketika ini, penghantaran telah menurun sekitar -15 peratus disebabkan oleh krisis kesihatan COVID-19. Penurunan penghantaran kontena pada suku kedua adalah bergantung pada langkah kerajaan membuka semula ekonomi. (Bloomberg)
>
> **AS**: **Penjualan kediaman baharu mencatatkan penurunan yang besar pada bulan Mac 2020.** Penjualan kediaman baharu **turun 15.4 peratus** pada bulan Mac setelah menyusut sebanyak -4.6 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini menghampiri jangkaan ahli ekonomi pada kadar -15.7 peratus. Penjualan kediaman baharu **di Northeast dan West mencatatkan penurunan terbesar dengan** masing-masing merosot **41.5 peratus dan 38.5 peratus.** Sementara itu, penjualan di Midwest juga merosot 8.1 peratus dan di South -0.8 peratus. Laporan **menyatakan harga median jualan kediaman baharu yang dijual pada bulan Mac adalah AS$321,400, turun 2.6 peratus** daripada AS$330,100 pada bulan Februari tetapi meningkat 3.5 peratus daripada AS$310,600 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. (RTT)
>
> **AS**: **Tuntutan faedah pengangguran mingguan mencecah 4.4 juta, menjadikan jumlah keseluruhan tuntutan bagi 5 minggu melebihi 26.4 juta.** Walaupun jumlah tuntutan minggu lepas menunjukan penurunan sebanyak 810,000 dari minggu sebelumnya, tetapi **jumlah keseluruhan bagi 5 minggu telah melebihi semua kenaikan pekerjaan sejak *Great Recession***. Hampir kesemua petunjuk ekonomi menunjukkan kemerosotan yang terburuk sejak *Great Recession*. Tuntutan faedah pengangguran ini dilihat sebagai indikator paling sesuai untuk mengukur saiz impak penjarakan sosial

ke atas ekonomi. Lonjakan itu berlaku di tengah penutupan enam minggu ekonomi di mana kerajaan tempatan kini berhasrat memulakan semula kembali aktiviti ekonomi. (Bloomberg)

**EU**: **Sektor swasta di zon Eropah mencatatkan kejatuhan tertinggi.** Indeks komposit output IHS Markit **menjunam ke paras terendah sepanjang masa kepada 13.5 pada bulan April 2020** berbanding 29.7 yang dicatatkan pada Mac yang lepas. Merujuk kepada skor di bawah 50, ini menggambarkan penguncupan dalam sektor swasta. Pandemik COVID-19 merupakan faktor kemerosotan pada bulan April 2020. **Indeks PMI perkhidmatan jatuh ke paras terendah 11.7** daripada 26.4 pada bulan sebelumnya **manakala PMI pembuatan berada pada 33.6**, turun daripada 44.5 pada bulan sebelumnya. (RTT)

**EU**: **Sektor swasta Jerman menyusut akibat sekatan pergerakan bagi membendung krisis COVID-19. Indeks komposit output turun kepada 17.1 pada bulan April 2020** daripada 35.0 pada bulan sebelumnya. Ini adalah bacaan terendah sepanjang indeks ini dibentuk pada 22 tahun yang lalu. PMI pembuatan turun mendadak ke paras terendah bagi 133 bulan kepada 34.4 daripada 45.4 pada bulan Mac 2020. (RTT)

**UK:** Pesanan pengeluaran sektor pembuatan mencatatkan **kejatuhan yang paling tinggi sejak 2009 apabila data Februari hingga April 2020, pengeluaran turun menjadi -21 peratus**. Pengilang menjangkakan jumlah pesanan baru akan jatuh ke tahap paling lemah pada suku berikutnya, dengan menurun kepada -78 peratus. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Hong Leong Investment Bank (HLIB) **meramalkan penguncupan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia yang lebih ketara**, iaitu sebanyak 6 peratus berbanding penguncupan 4 peratus yang diramalkan sebelumnya berikutan pengumuman kerajaan bahawa tempoh PKP akan dilanjutkan

2) Petroliam Nasional Bhd (Petronas) mengumumkan bahawa **jumlah pelantar yang aktif sepenuhnya telah dikurangkan** dari 18 kepada empat (4) sehingga harga minyak pulih semula ke tahap yang lebih tinggi.

3) Bank Muamalat Malaysia Bhd dan gerbang pembayaran dalam talian ToyyibPay telah **melancarkan platform Bazar.delivery** untuk tujuan jual beli makanan di bulan Ramadan dan **kira-kira 5,000 peniaga** dijangka menjual produk mereka di platform ini.

4) **Harga bahan api Diesel turun** RM0.30 dari RM1.43 kepada RM1.40. Sementara itu, **RON95 dan RON97 kekal** pada harga RM1.25 dan RM1.55 bermula 25 April hingga 1 Mei 2020.

5) Prinsip **perdagangan bebas** diharap akan **terus dipertahankan** dan tidak akan berlakunya **penutupan sempadan perniagaan** susulan Covid-19. Rantaian bekalan barangan antarabangsa **terjejas apabila banyak negara** dilihat mengamalkan **sikap 'nasionalistik ekonomi'** yang boleh menjejaskan perdagangan bebas dunia.

6) Singapura hanya mengeluarkan **kira-kira 10 peratus** daripada **keperluan makanannya**. Malaysia merupakan antara pembekal utama makanan bagi Singapura. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sehingga 12 Mei 2020 dikhuatiri akan **menjejaskan eksport makanan** ke Singapura.

7) Persetujuan meneruskan operasi bagi industri simen selama PKP fasa 3 akan memberi kesan berlipat ganda dan **memberikan kelegaan besar kepada perniagaan dan pekerja** serta berpotensi **menyelamatkan ratusan ribu pekerjaan.** Industri simen akan terus mematuhi sepenuhnya syarat-syarat Prosedur Operasi Kesihatan dan Keselamatan dan Standard Operasi (SOP).

8) Saham pertubuhan **pembuat sarung tangan getah mencatatkan kenaikan harga saham tertinggi** selepas diumumkan perlanjutan PKP sehingga 12 Mei 2020.

9) **Pembelian bagi permainan video digital** mencecah AS$10 bilion (RM43.6 bilion) pada Mac, **paras tertinggi dalam sejarah** lantaran penutupan kedai jualan akibat PKP telah menjadi faktor '*gamers*' membuat **pembelian lebih banyak menerusi muat turun digital.**

10) **Larangan perjalanan dijangka diteruskan walaupun arahan PKP dihentikan.** Kerajaan akan **membuat pendekatan pasca PKP** yang bersesuaian dengan mengurangkan beberapa sekatan secara berperingkat dan **memastikan kawalan sempadan negara** sentiasa terjaga.

11) Kementerian Kewangan bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) akan **merangka Pelan Pemulihan Ekonomi** secara menyeluruh bersama pihak berkepentingan pelbagai industri dan sektor dalam **usaha memulih dan membangunkan ekonomi negara**.

12) Maxis Bhd (Maxis) menunjukkan **pendapatan perkhidmatan yang kukuh** berjumlah RM1.928 bilion **pada suku pertama berakhir 31 Mac 2020** disokong pertumbuhan perniagaan pascabayar dan fiber yang positif. Keadaan ini menunjukkan penghijrahan prabayar ke pascabayar berikutan pelanggan mengambil tahap nilai yang lebih tinggi Hotlink Postpaid Flex.

13) Malaysia akan **menyusun semula perancangan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12** disebabkan **pandemik Covid-19 dan kejatuhan harga minyak** baru-baru ini. Sektor minyak dan gas memberikan **impak besar kepada ekonomi dunia termasuk Malaysia**. Sektor ini menyumbang 20 peratus daripada hasil kerajaan di mana kejatuhan harga minyak akan mempengaruhi pendapatan negara.

14) Kerajaan Johor telah memberikan kebenaran memulakan semula **projek landasan berkembar elektrik sepanjang 192 km antara Gemas dan Johor Bahru**. Projek ini dianggarkan **bernilai RM12.4 bilion** dan disasarkan selesai pada Oktober tahun hadapan.

15) **Jualan beras** naik mendadak pada April iaitu **sebanyak 40 peratus daripada purata jualan biasa** di negeri Sabah. Terdapat pertambahan sebanyak 27 peratus pemborong beras yang tidak mempunyai rekod pembelian sebelum ini dan sekarang sudah mula membuat pembelian beras dengan BERNAS.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **MCO extension to result in GDP shrinking by 6% — HLIB Research**<br><br>The research house said that this higher contraction in GDP is premised on the assumption that the economy is operating at a capacity of 50% of GDP — with only 45% of the economy vis-à-vis GDP operating in the second phase of the MCO.<br><br>"As the economy is now under MCO for a total of eight weeks (slightly below two months), concerns are rife on the impact to the economy and employment. While the latest Ministry of Finance [MoF] report on the utilisation of the wage subsidy bill (RM13.8 billion) showed that RM1.2 billion of funds have already been approved for almost 1 million workers, this is subjected to conditions and is only for three months," said the research house. | https://www.theedgemarkets.com/article/mco-extension-result-gdp-shrinking-6-%E2%80%94-hlib-research |
| 2. | **The Edge Markets** | **MCO extension has grave consequences, UOB Kay Hian warns**<br><br>There is a big reverse multiplier effect on the economic and financial impact of the movement control order (MCO) extension announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday, warned UOB Kay Hian Research. | https://www.theedgemarkets.com/article/mco-extension-has-grave-consequences-uob-kay-hian-warns |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "The long MCO period will also be destructive to post-MCO consumption recovery trends as consumers now fear job losses and salary cuts. Business failures and consolidations will manifest in the months to come as a slow post-MCO consumption recovery will wilt entrepreneurs' optimism," said UOB Kay Hian. | |
| 3. | **Astro Awani** | **Bernas says rice sales to Sabah up to 10 per cent in first 3 months**<br><br>Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) recorded a nearly 10 per cent rise in sales of rice to Sabah for the first three months of this year compared with the same period last year.<br><br>In a statement today, BERNAS said rice sales for April saw a 40 per cent jump over the average for the state.<br><br>"There was also a 27 per cent increase in the number of rice wholesalers with no record of purchase buying from BERNAS, while around 61 per cent of wholesalers in Sabah had bought more than the normal amount of rice. | http://english.astroawani.com/business-news/bernas-says-rice-sales-sabah-10-cent-first-3-months-239928?_ga=2.230156120.556205274.1587201378-1350384291.1587101696 |
| 4. | **New Straits Times** | **Petronas shuts down 14 projects until oil price recovers**<br><br>The national oil company had shut down or warm-stacked 14 projects until oil price recovers to breakeven levels, an industry | https://www.nst.com.my/business/2020/04/587082/petronas-shuts-down-14-projects-until-oil-price-recovers |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | publication reported, and quoting sources.<br><br>Warm-stacking involves temporarily shutting down operations but maintaining minimal activity as a cost-saving measure.<br><br>"Petronas is unable to maintain its operation at the current price because its rigs are mainly in deep water, which are more expensive to run," the report said, putting the breakeven level at around US$70 a barrel. | |

Penemuan penting & isu:

1. Berikutan pengumuman kerajaan bahawa tempoh PKP akan dilanjutkan selama dua minggu lagi dari 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020, Hong Leong Investment Bank (HLIB) meramalkan penguncupan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia yang lebih ketara, iaitu sebanyak 6% berbanding penguncupan 4% yang diramalkan sebelumnya.
2. Padiberas Nasional Bhd (Bernas) mencatatkan peningkatan hampir 10 peratus bagi jualan beras di Sabah pada tiga bulan pertama 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Bernas menyatakan jualan beras turut naik mendadak pada bulan April 2020 iaitu sebanyak 40 peratus daripada purata jualan biasa di negeri tersebut.
3. Petroliam Nasional Bhd (Petronas) mengumumkan bahawa jumlah pelantarnya yang aktif sepenuhnya telah dikurangkan dari 18 kepada empat (4) sehingga harga minyak pulih semula ke tahap yang lebih tinggi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelanjutan tempoh PKP sehingga 12 Mei 2020 bagi menangani penularan wabak Covid-19 dan keadaan prestasi ekonomi global yang tidak stabil pada tempoh masa ini turut akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Indikator rasmi berkaitan yang dapat membantu pengukuran situasi ekonomi negara sentiasa diambil perhatian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan ketersediaan data-data berkaitan akan dikaji dari masa ke semasa.
2. Peningkatan hasil jualan beras dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi kesan kepada prestasi subsektor pertanian lain. Pada tahun 2019, subsektor pertanian lain telah menyumbang sebanyak 1.8 peratus kepada KDNK Malaysia dengan

| | | | |
|---|---|---|---|
| | pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2018.<br>3. Penutupan beberapa pelantar minyak akibat kemerosotan harga minyak akan memberi kesan kepada sektor perlombongan dan pengkuarian dan secara keseluruhan kepada ekonomi negara. Sebelum berlakunya penularan Wabak COVID-19 di Malaysia, sektor perlombongan dan pengkuarian telah menyumbang sebanyak 7.1 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019. | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **New Straits Times** | **Bank Muamalat, ToyyibPay launched Bazar.delivery**<br><br>Bank Muamalat Malaysia Bhd (BMMB) and online payment gateway ToyyibPay launched the Bazar.delivery platform aimed at keeping the annual Ramadan shopping experience alive through digital innovation. The e-commerce platform is also strengthened by the cooperation of digital payment provider Paynet, through their eFPX payment scheme. | https://www.nst.com.my/business/2020/04/587190/bank-muamalat-toyyibpay-launched-bazardelivery |
| 2. | **Malay mail** | **Pahang MB: Non-Muslim food premises can operate from 7am to 7pm**<br><br>The Pahang government has allowed non-Muslim food premises in the state to operate from 7am until 7pm during the Movement Control Order (MCO) period in the month of Ramadan. This includes food premises in shoplot buildings which offer drive-through, take-away, and cash-on-delivery services. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/24/pahang-mb-non-muslim-food-premises-can-operate-from-7am-to-7pm/1859887 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **The Star** | **Fuel prices April 25-May 1: Diesel down three sen, RON97 and RON95 unchanged**<br><br>The price of diesel will drop three sen, while the prices of RON97 and RON95 will remain the same from Saturday, 25th April until 1st May 2020. The prices of RON97 and RON95 will remain at RM1.55 per litre and RM1.25 per litre respectively.<br><br>Meanwhile, the price of diesel will go down by three sen to RM1.40 per litre from RM1.43 per litre. The government will continue to monitor the impact of global crude oil price changes and will take appropriate measures to ensure the welfare and well-being of the people. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/24/fuel-prices-april-25-may-1-diesel-down-three-sen-ron97-and-ron95-unchanged |
| 4. | **The Edge Markets** | **KKMM to colaborate with e-hailing, online shopping apps in fighting COVID-19 — Zahidi**<br><br>The Ministry of Communications and Multimedia (KKMM) will collaborate with several online shopping apps in a campaign to enhance public awareness and understanding to fight COVID-19. The ministry is now working closely with e-hailing company Grab and would expand the initiative to several other companies, including Lazada. | https://www.theedgemarkets.com/article/kkmm-colaborate-ehailing-online-shopping-apps-fighting-covid19-%E2%80%94-zahidi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 5. | **The Sun Daily** | **MCO: ERL train services remain suspended**<br><br>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) announced that its train services will remain temporarily suspended until the last day of Movement Control Order (MCO).<br><br>New schedule will be available on www.KLIAexpress.com and KLIA Ekspress Facebook at least three days before the end of the MCO period to provide vital train services for commuters and air travellers. | https://www.thesundaily.my/local/mco-erl-train-services-remain-suspended-XX2330725 |

Penemuan penting & isu:

1. Bank Muamalat Malaysia Bhd dan gerbang pembayaran dalam talian ToyyibPay telah melancarkan platform Bazar.delivery untuk tujuan jual beli makanan di bulan Ramadan dan kira-kira 5,000 peniaga dijangka menjual produk mereka di platform ini.
2. Kerajaan negeri Pahang telah memberi kebenaran kepada restoran bukan muslim untuk menjalankan operasi perniagaan sepanjang PKP pada bulan Ramadan bermula jam 7 pagi hingga 7 malam.
3. Harga diesel akan turun tiga sen, sementara harga RON97 dan RON95 kekal sama mulai 25 April hingga 1 Mei 2020.
4. KKMM akan berkolaborasi dengan e-hailing, aplikasi perniagaan atas talian termasuk Lazada bagi meningkatkan jualan atas talian sepanjang PKP dilaksanakan.
5. ERL, pengendali perkhidmatan rel dari Stesen Sentral Kuala Lumpur hingga klia2 kekal menggantung operasinya sehingga tempoh PKP berakhir.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pendekatan digital ekonomi bagi program membeli belah Ramadan menggunakan platform Bazar.delivery mampu meningkatkan jualan secara atas talian.
2. Penurunan harga diesel dijangka akan memberi kesan secara tidak langsung kepada sektor Perdagangan Borong & Runcit khususnya pengusaha stesyen minyak.
3. Pelaksanaan PKP oleh kerajaan menyebabkan prestasi perkhidmatan pengangkutan keretapi merosot dan memberi kesan kepada pengurangan pendapatan susulan pengurangan bilangan penumpang dan pelancong.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Malaysia Kini** | **Mustapa harap sempadan ekonomi tak ditutup**<br><br>Prinsip perdagangan bebas diharap akan dapat terus dipertahankan dan tidak akan berlakunya penutupan sempadan perniagaan susulan Covid-19.<br><br>Rantaian bekalan barangan antarabangsa yang terjejas ekoran Covid-19, apabila banyak negara dilihat mengamalkan sikap 'nasionalistik ekonomi' yang boleh menjejaskan perdagangan bebas dunia.<br><br>Terdapat sebahagian negara yang menunjukkan sikap mementingkan pasaran sendiri (*inward looking*) yang berupaya merosakkan sistem perniagaan antarabangsa. | https://www.malaysiakini.com/news/522388 |
| 2. | **Nikkei Asian Review** | **Fragile ASEAN food supply chains creak under strain of pandemic**<br><br>Singapore imports more than 90% of their food. Singapore imports the vast majority of its food from Malaysia.<br><br>The Singaporean outfit simply lacks the manpower to nurture bigger birds, since Malaysia locked itself down to curb the spread of the coronavirus. As workers are unable to cross the border, the food supplier has | https://asia.nikkei.com/Spotlight/Coronavirus/Fragile-ASEAN-food-supply-chains-creak-under-strain-of-pandemic |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | seen its operating capacity decline by around 30%. | |

Penemuan penting & isu:

1. Prinsip perdagangan bebas diharap akan dapat terus dipertahankan dan tidak akan berlakunya penutupan sempadan perniagaan susulan COVID-19. Rantaian bekalan barangan antarabangsa terjejas ekoran COVID-19, apabila banyak negara dilihat mengamalkan sikap 'nasionalistik ekonomi' yang boleh menjejaskan perdagangan bebas dunia.
2. Singapura hanya mengeluarkan kira-kira 10 peratus daripada keperluan makanannya. Malaysia merupakan antara pembekal utama makanan bagi Singapura. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sehingga 12 Mei 2020 dikhuatiri akan menjejaskan eksport makanan ke Singapura.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan *International Trade Centre*, terdapat 89 negara yang mengenakan larangan eksport terhadap sesuatu produk untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Antaranya ialah:
    a. Malaysia mengenakan larangan eksport terhadap topeng muka.
    b. Afrika Selatan telah mengehadkan eksport topeng muka dan *hand sanitizer*.
    c. Thailand telah mengenakan larangan eksport ke atas telur ayam.
    d. Vietnam menangguhkan kontrak baharu eksport beras.
    e. Filipina telah menghentikan eksport beras.
    f. Cyprus telah mengenakan larangan terhadap aktiviti pengeksportan semua ubat ke negara lain.
    g. Perancis, India dan Hungary telah mengharamkan eksport ubat hydroxychloroquine.
    h. Turki telah mengenakan kawalan eksport bagi topeng muka, alat pelindung diri (PPE) dan buah lemon.

2. Rantaian bekalan barangan antarabangsa dikhuatiri akan terjejas apabila banyak negara dilihat mengamalkan sikap 'nasionalistik ekonomi' akibat penularan wabak COVID-19
3. Nilai import eksport dari/ke Singapura mengikut seksyen barangan pada tahun 2019.

| SITC | SEKSYEN BARANGAN | IMPORT (RM) | EKSPORT (RM) |
|---|---|---|---|
| 0 | Makanan | 1,879,081,871 | 6,696,304,951 |
| 1 | Minuman dan tembakau | 416,280,405 | 1,476,769,502 |
| 2 | Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan | 660,804,874 | 924,755,244 |
| 3 | Bahan api galian, pelincir, dll. | 29,361,986,246 | 23,332,858,665 |
| 4 | Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran | 73,980,836 | 1,679,485,350 |
| 5 | Bahan kimia | 8,471,733,009 | 5,814,528,776 |
| 6 | Barang-barang keluaran kilang | 3,200,714,539 | 10,284,197,945 |
| 7 | Jentera & kelengkapan pengangkutan | 35,724,518,423 | 71,003,212,280 |
| 8 | Pelbagai barang keluaran kilang | 6,047,885,829 | 15,199,865,128 |
| 9 | Pelbagai urus niaga dan barangan | 3,709,957,806 | 476,343,243 |
| **JUMLAH** | | **89,546,943,838** | **136,888,321,084** |

Pada tahun 2019, Malaysia mengeksport makanan ke Singapura berjumlah RM6.7 bilion (4.9% daripada jumlah eksport ke Singapura). Pada bulan Februari 2020, eksport makanan ke Singapura bernilai RM542.1 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport makanan ke Singapura meningkat RM88.0 juta atau 19.4% daripada RM454.1 juta. Eksport makanan ke Singapura pada tahun 2020 dijangka akan terjejas disebabkan oleh penularan wabak Covid-19.

4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Govt urged to allow construction projects to restart simultaneously**<br><br>The Cement and Concrete Association of Malaysia (C&CA) has urged the government to allow construction projects that | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/24/govt-urged-to-allow-construction-projects-to-restart-simultaneously |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | comply with the necessary requirements and guidelines to restart simultaneously, and to approve related sectors to slowly and gradually resume operations. | |
| 2. | **The Edge Markets** | **Rubber glove makers gain; Hartalega, Top Glove and Supermax scale all-time highs after MCO extension**<br><br>Stocks of rubber glove makers were among the top gainers on Bursa Malaysia this morning, following the government's decision to extend the Movement Control Order (MCO) by another two weeks. | https://www.theedgemarkets.com/article/rubber-glove-makers-gain-hartalega-top-glove-and-supermax-scale-alltime-highs-after-mco |

Penemuan penting & isu:

1. Persetujuan ini untuk meneruskan operasi bagi industri simen selama MCO fasa 3 akan memberi kesan berlipat ganda dan memberikan kelegaan besar kepada perniagaan dan pekerja serta berpotensi menyelamatkan ratusan ribu pekerjaan. Industri simen akan terus mematuhi sepenuhnya syarat-syarat Prosedur Operasi Kesihatan dan Keselamatan dan Standard Operasi (SOP).
2. Saham pertubuhan pembuat sarung tangan getah mencatatkan kenaikan harga saham tertinggi selepas diumumkan perlanjutan PKP sehingga 12 Mei 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan terhadap industri yang beroperasi dalam tempoh PKP.
2. Bahagian akan terus memantau industri pembuatan sarung tangan getah yang dijangka akan meningkat tinggi dalam pelaporan survei pembuatan bulanan bagi bulan rujukan Mac dan April 2020.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Domestic aviation sector needs to be revived after MCO is lifted**<br><br>The domestic aviation sector will be boosted after the Movement | https://www.theedgemarkets.com/article/domestic-aviation-sector-needs-be- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Control Order (MCO) has ended since the aviation sector is the most affected industry globally and it was reported that Virgin Australia has gone bankrupt. The domestic aviation sector to be revived by focusing on the domestic segment especially connecting the regions. Flights to Sabah and Sarawak must be resumed to deliver goods. | revived-after-mco-lifted |
| 2. | **Berita Harian** | **Dr Noor Hisham hints at extended travel ban**<br><br>Travel bans will probably remain in place even after the movement control order (MCO) is lifted. The government was going for a soft-landing approach when lifting the MCO, where it would ease certain restrictions in phases with border control being the most important and allowing the economic sector to take off first while the social and education sectors will have to wait a little bit longer. Malaysia has banned non-Malaysians from entering the country, only allowing citizens to return home. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/24/dr-noor-hisham-hints-at-extended-travel-ban |
| 3. | **Berita Harian** | **COVID-19: Pembelian permainan video digital melonjak tinggi**<br><br>Perbelanjaan bagi permainan video digital mencecah AS$10 bilion (RM43.6 bilion) pada Mac, paras tertinggi dalam sejarah di mana pendapatan keseluruhan bagi bulan yang sama meningkat 11% tahun ke tahun. Penutupan kedai jualan akibat pandemik Covid-19 menjadi faktor *'gamers'* membuat pembelian lebih banyak | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/681063/covid-19-pembelian-permainan-video-digital-melonjak-tinggi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menerusi muat turun digital. Perbelanjaan bagi permainan konsol utama meningkat AS$1.5 bilion (RM6.5 bilion) pada Mac daripada AS$883 juta (RM3.85 bilion) pada Februari, sementara perbelanjaan untuk komputer peribadi (PC) berprestasi tinggi melonjak 56% kepada AS$567 juta (RM2.47 bilion) berbanding bulan sebelumnya. | |
| 4. | **The Edge** | **KLCI dips as investors weigh ramifications of MCO extension**<br><br>The FBM KLCI tracked the regional dip in early trade Friday and drifted lower as domestic investors weighed the ramifications of the Movement Control Order extension until May 12. The early decliners included Nestle (M) Bhd, Petronas Dagangan Bhd, Allianz Malaysia Bhd, Carlsberg Brewery Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Aeon Credit Service (M) Bhd, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd, Amway Holdings (M) Bhd, Mega First Corp Bhd and QL Resources Bhd. Asian stocks slipped Friday as investors weighed signs of progress in the fight against the coronavirus against data showing the severity of the impact on economies. Oil climbed back above $17 a barrel. | https://www.theedgemarkets.com/article/klci-dips-investors-weigh-ramifications-mco-extension |

Penemuan penting & isu:

1. Sektor penerbangan domestik negara akan diberi sokongan sewajarnya selepas PKP berakhir memandangkan sektor penerbangan adalah antara industri yang paling terjejas di dunia dan dilaporkan bahawa syarikat penerbangan Virgin Australia juga telah muflis akibat tekanan pandemik COVID-19.

2. Larangan perjalanan dijangka diteruskan walaupun arahan PKP dihentikan. Kerajaan akan membuat pendekatan pasca PKP yang bersesuaian dengan mengurangkan beberapa sekatan secara berperingkat dan memastikan kawalan sempadan negara sentiasa terjaga.
3. Pembelian bagi permainan video digital mencecah AS$10 bilion (RM43.6 bilion) pada Mac, paras tertinggi dalam sejarah lantaran penutupan kedai jualan akibat PKP telah menjadi faktor *'gamers'* membuat pembelian lebih banyak menerusi muat turun digital.
4. FBM KLCI dibuka rendah susulan dengan penilaian pelabur tempatan terhadap kesan pelanjutan PKP hingga 12 Mei.

Maklumbalas Bahagian:

1. Sektor penerbangan adalah yang paling terjejas di dunia termasuk industri penerbangan domestik serta jangkaan lanjutan larangan perjalanan selepas PKP ditamatkan akan mempengaruhi Akaun Semasa melalui komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada 2019, eksport pengangkutan udara menyumbangkan sebanyak RM12.7 bilion dan import RM15.0 bilion. Perjalanan pula mencatatkan lebihan RM30.9 bilion, di mana eksport merekodkan RM82.1 bilion dan import RM51.2 bilion.
2. Peningkatan pembelian permainan video digital menerusi muat turun digital pada Mac 2020 bakal memberi kesan kepada Akaun Perkhidmatan melalui komponen Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. Pada 2019, eksport komponen ini mencatatkan RM12.2 bilion dan import ialah RM14.5 bilion.
3. Pasaran saham kekal menunjukkan turun naik susulan pengumuman pelanjutan tempoh PKP oleh Perdana Menteri. Situasi ini akan mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran dan Akaun Kewangan. Aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatat dalam Akaun Kewangan pada tahun 2019.

**F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bernama** | **Johor beri insentif khas kepada anggota barisan hadapan PBT**<br><br>Kerajaan negeri Johor akan memberikan insentif khas RM300 sebulan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan kepada anggota barisan hadapan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1835326 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | terlibat secara langsung dengan usaha pemutusan rantaian penularan COVID-19.<br><br>Pembayaran insentif dengan peruntukan perbelanjaan berjumlah RM1.512 juta bagi tempoh pelaksanaan PKP selama tiga bulan bermula Mac hingga Mei itu akan memberi manfaat kepada 1,681 petugas daripada 16 PBT merangkumi dua Majlis Bandaraya, tujuh Majlis Perbandaran serta tujuh Majlis Daerah di Johor. | |
| 2. | **Bernama** | **Strategi pemulihan, pembangunan ekonomi akan dibentang dalam masa terdekat**<br><br>Kementerian Kewangan bersama dengan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE) telah memulakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan pelbagai industri dan sektor untuk mendapatkan maklum balas yang berkaitan dalam usaha memulih dan membangunkan ekonomi negara.<br><br>Kerajaan akan merangka pelan pemulihan ekonomi jangka pendek, sederhana dan panjang menyeluruh yang bertujuan memastikan aktiviti ekonomi dapat dipulihkan semula dengan pantas selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerkan (PKP) berakhir. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1835382 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kerajaan juga akan merangka strategi jangka panjang yang merangkumi langkah-langkah untuk melestarikan teras ekonomi, alam, dan sosial Malaysia dengan teknologi digital memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian dan daya saing negara pada masa hadapan. | |
| 3. | **Berita Harian** | **Maxis raih pendapatan kukuh suku pertama**<br><br>Maxis Bhd (Maxis) meraih pendapatan perkhidmatan kukuh berjumlah RM1.928 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2020 disokong pertumbuhan perniagaan pascabayar dan fiber yang positif.<br><br>Pendapatan perkhidmatan tidak termasuk borong meningkat 2.8 peratus berbanding RM1.876 bilion yang dicatatkan pada suku pertama tahun lalu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/681136/maxis-raih-pendapatan-kukuh-suku-pertama |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan negeri Johor akan memberikan insentif khas RM300 sebulan kepada anggota barisan hadapan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu bagi yang terlibat secara langsung dengan usaha pemutusan rantaian penularan COVID-19. Pembayaran insentif ini melibatkan peruntukan perbelanjaan berjumlah RM1.512 juta bagi tempoh pelaksanaan PKP bermula Mac hingga Mei yang akan memberi manfaat kepada 1,681 petugas.
2. Kementerian Kewangan bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) akan merangka Pelan Pemulihan Ekonomi secara menyeluruh bersama pihak berkepentingan pelbagai industri dan sektor dalam usaha memulih dan membangunkan ekonomi negara. Langkah tersebut yang memberi tumpuan kepada merangka pelan pemulihan ekonomi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan aktiviti ekonomi dapat dipulihkan semula dengan pantas selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3. Maxis Bhd (Maxis) menunjukkan pendapatan perkhidmatan yang kukuh berjumlah RM1.928 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2020 disokong pertumbuhan perniagaan pascabayar dan fiber yang positif. Keadaan ini menunjukkan penghijrahan prabayar ke pascabayar berikutan pelanggan mengambil tahap nilai yang lebih tinggi Hotlink Postpaid Flex. | | |
